

Kem Semarak Tari pentas pelajar dalam seni warisan budaya

Archival News | Utusan Malaysia | 22/05/2015

JABATAN Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya menganjurkan Kem Semarak Tari 2015 bagi memelihara dan mengembangkan warisan budaya bangsa kepada generasi muda di Lambang Sari, Istana Budaya (IB), baru-baru ini.

Penyelaras Program, Nik Shareeza Roslyn Mohd Rosly berkata, kem ini diadakan bertujuan memberi latihan secara intensif dan pendedahan untuk mempelajari tarian baharu merangkumi tarian tradisional dan kontemporari khusus kepada pelajar. 'Pada masa sama, kem ini adalah platform untuk memilih pelajar mewakili wilayah persekutuan ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Pulau Pinang. 'Melalui kem ini diharap dapat membantu meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang warisan budaya yang perlu dikekalkan dalam kalangan pelajar,' katanya.

Program tiga hari dua malam ini disertai lebih daripada 100 pelajar yang terpilih mewakili sekolah di peringkat Wilayah Persekutuan. Majlis Penutup Malam Gala Kem Semarak Tari 2015 disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tajuddin Mohamad Mor. Yang turut hadir, Ketua Pengarah IB, Datuk Muhamed Jauhari Shaarani dan Pengetua SMK Bukit Bandaraya, Noraizan Mohamed.

(END)

(Source by: Utusan Malaysia)